


DIARI JKSB

Edisi 1/Jan. — Mac 2018



Selamat Tahun Baru
JKSB

Kata-Kata Aluan

Ketua Jabatan

Sidang Editor

Penaung

P.M. Dr. Abd Halid Abdullah

Penasihat

Dr. Ahmad Zurisman Mohd Ali

Ketua Editor

Dr. Faisal Sheikh Khalid

Penyumbang Artikel

Dr. Sallehuddin Shah

Dr. Faisal Sheikh Khalid

Dr. Shahiron Shahidan

Dr. Sharifah Salwa Mohd Zuki

Dr. Ahmad Zurisman Mohd Ali



Assalamualaikum w.r.t. dan salam sejahtera. Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi, Diari JKSB dapat terus diterbitkan dengan edisi yang pertama pada tahun 2018 ini dan saya masih lagi diberikan peluang untuk melakar sedikit coretan aluan. Syabas dan tahniah kepada pasukan editor Diari JKSB yang diterajui oleh Dr. Faisal Sheikh Khalid. Syukur dan syabas juga kepada semua warga JKSB yang telah berjaya dalam pelbagai aspek pada tahun 2017 yang lalu. Kini azam dan momentum baru telah ditingkatkan untuk tahun 2018 yang dilihat lebih dinamik dengan penuh cabaran. Perubahan dan penambahan bilangan penerbitan yang dilihat lebih rasional oleh pengurusan tertinggi universiti pada tahun ini, percayalah warga JKSB, ia sudah tentu tidak akan menjadi tembok pemisah kita dengan kejayaan. Saya yakin dan pasti, warga JKSB sememangnya telah bersedia dan mampu meningkatkan prestasi yang lebih tinggi untuk permulaan tahun 2018 bagi mencipta lebih banyak kejayaan serta kegemilangan bersama. Semoga semua sasaran tahunan kita pada tahun ini akan tercapai dan JKSB akan terus lebih ke hadapan.

Saya juga ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua warga JKSB dalam menempuh semester baru yang baru sahaja membuka tirainya pada 12 Februari 2018 yang lalu. Semoga kualiti pengajaran dan pembelajaran pada semester ini akan terus dipertingkatkan lagi berbanding sebelumnya.

Akhir kata, marilah kita terus bersatu padu serta bekerjasama dalam memastikan objektif yang kita sasarkan pada tahun ini tercapai dengan jayanya. Semoga usaha kita akan membantu dalam menyumbang ke arah pembangunan agama, negara dan bangsa kita yang tercinta.

Sekian, Wassalam.

**PUSH YOURSELF
BECAUSE, NO ONE
ELSE IS GOING
TO DO IT FOR YOU.**

Photo by Faisal Sheikh

**Don't just stand
there, make some-
thing happen.**

Lee Iacocca

Ketua Editor



Alhamdulillah, Diari JKSB edisi yang pertama untuk tahun 2018 telah berjaya disempurnakan. Diari JKSB kali ini merakamkan segala kejayaan yang tercipta untuk 3 bulan pertama 2018. Begitu bangga dan kagum melihat usaha dalam keberkesanan gerak kerja, aktiviti dan kejayaan yang dicipta oleh warga JKSB

Akhir kata, saya mewakili pasukan editor Diari JKSB mengucapkan selamat tahun baru 2018. Semoga kita akan berjumpa untuk edisi akan datang.

Sekian, Terima kasih.

PEMANTAPAN REKABENTUK STRUKTUR KONKRIT BERTETULANG BERPANDUKAN EUROCODE (EC2)

Oleh: Dr. Sharifah Salwa Mohd Zuki

Tanggal 6 hingga 8 Februari 2018 (Selasa hingga Khamis) yang lalu, Jabatan Kejuruteraan Struktur dan Bahan (JKSB) telah menganjurkan satu seminar pemantapan Rekabentuk Struktur Konkrit Bertetulang berpandukan Eurocode 2 (EC2) yang terbuka kepada semua ahli JKSB. Seminar yang lebih menjurus kepada perkongsian ilmu ini telah dihadiri oleh hampir semua ahli JKSB. Para penceramah iaitu Encik Encik Mohammad Soffi Bin Md Noh dan Dr. Sallehuddin Shah bin Ayop yang juga merupakan ahli JKSB merupakan pensyarah yang mempunyai pengalaman luas di dalam pengajaran kursus Rekabentuk Struktur Konkrit Bertetulang. Selain memantapkan ilmu para pensyarah JKSB di dalam kursus Rekabentuk Struktur Konkrit Bertetulang, seminar seumpama ini juga dapat mengeratkan lagi silaturrahim sesama ahli. Proses pemantapan oleh para pensyarah amatlah digalakkan bagi memastikan visi dan misi universiti untuk menghasilkan graduan yang professional dan holistic akan tercapai. Pihak Diari JKSB mengucapkan ribuan tahniah dan berharap program seperti dapat dijadikan program tahunan di JKSB. Tahniah kepada semua.



Sesi perkongsian ilmu sedang berjalan



Peserta seminar

KURSUS ESTEEM 10


Oleh: Dr. Sallehuddin Shah

Kursus ESTEEM 10 telah dijalankan selama dua hari bermula 23 Januari hingga 24 Januari 2018. Kursus ini telah dihadiri oleh 31 orang staff JKSB. Kursus ini dijalankan adalah bagi meningkatkan penguasaan staf jabatan untuk menggunakan perisian baru ESTEEM 10 dengan lebih baik dan cekap. Ia memandangkan versi perisian ini telah dinaik taraf kepada versi terbaharu yang boleh merekabentuk menggunakan beban gempa bumi. Kursus ini telah dikendalikan oleh Ms. Lorita dari Esteem Innovation (ASIA) Sdn Bhd. Objektif kursus ini adalah bagi memberikan pengetahuan asas kepada peserta seperti perkara berikut;

- Input dan analisis bagi model bangunan bertingkat mudah,
- Menentukan parameter yang diperlukan bagi jenis model yang berbeza dan menganalisa hasil output yang diperolehi, dan
- Memahami input asas beban seismik, analisis dan juga output sepanjang pembelajaran kursus ini berjalan.




Tahniah jawantankuasa kursus ESTEEM 10 kerana telah berjaya menyayakan program ini dengan jayanya.



Peserta yang mengikuti kursus Esteem 10

KURSUS PENTAULIAHAN ALAT NON-DESTRUCTIVE TESTING: **ACOUSTIC EMISSION**

Oleh: Dr Shahiron Shahidan



Sesi pertama bersama Encik Hasruliza, wakil PAC

Kursus pentauliahan alat Acoustic Emission (AE) telah dijalankan pada 15 Mac 2018 bertempat di Makmal Kejuruteraan Bahan, FKAAS. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pensyarah dan pelajar yang berminat untuk menggunakan alat AE dalam aplikasi Kejuruteraan Awam. Kursus ini mensasarkan pensyarah, pelajar tahun akhir dan pelajar pasca-siswazah yang berminat untuk memaksimumkan penggunaan alat AE.

Kursus pentauliahan ini dibahagikan kepada 2 sesi, 1) sesi pentauliahan alat AE oleh wakil dari Physical Acoustic Corporation Pahang (PAC) iaitu Encik Hasruliza Bin Hassan dan 2) sesi soal jawab mengenai aplikasi AE di dalam kejuruteraan awam yang dikendalikan oleh Dr. Shahiron Shahidan.



Sesi soal jawab bersama Dr. Shahiron

SCIENCE, TECHNOLOGY, ENGINEERING AND MATHEMATICS (STEM): S.M.K. SRI GADING

Oleh: Dr. Faisal Sheikh Khalid



Proses penjurian teknikal yang sedang berlangsung



Antara Staf JKSB yang terlibat

Karnival STEM merupakan pendekatan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membuka minat dan mendorong para pelajar untuk menguasai dan meminati dalam bidang sains dan teknologi. Sehubungan dengan itu, beberapa staf JKSB telah terlibat bersama sama dengan Pendidikan Negeri Johor untuk melaksanakan STEM di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Gading pada 28 Mac 2018. Antara staf JKSB terlibat adalah Dr. Ahmad Zurisman Mohd Ali dan Dr. Mohd Hanif Ismail yang telah ditugaskan selaku teknikal juri dalam *Bridge Test Failure*. Para pelajar dikehendaki menyediakan jambatan yang diperbuat daripada soft wood mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Jambatan dinilai berdasarkan kemampuan untuk menampung beban yang dikenakan, berat jambatan dan nilai estetika pada jambatan tersebut.

TAHNIAH DR. FAISAL, PELANTIKAN KETUA JABATAN PEJABAT HUBUNGAN UNIVERSITI & MASYARAKAT

Oleh: Dr . Ahmad Zurisman Mohd Ali



Pelantikan Dr. Faisal Sheikh Khalid

Tahniah diucapkan kepada Dr. Faisal Sheikh Khalid atas pelantikan Ketua Jabatan Pejabat Hubungan Universiti dan Masyarakat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia selama 2 tahun bermula pada 11 Mac 2018. Warga JKSB mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dr. Faisal. Semoga pelantikan ini membantu universiti dalam mencapai penarafan yang lebih baik daripada sebelumnya.

